

RM1.2 bilion untuk lahir Iulusan PhD: Mustapa

SEREMBAN: Kerajaan menyalurkan peruntukan besar RM1.2 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) untuk melahirkan sekurang-kurangnya 7,000 pemegang ijazah doktor falsafah (PhD) di universiti awam tempatan menjelang tahun 2010.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, berkata perbelanjaan itu bagi meningkatkan keupayaan tenaga akademik institusi pengajian tinggi awam (IPTA), sekali gus meletakkan sistem pengajian tinggi negara setanding negara luar.

Beliau berkata, program PhD yang khusus bagi pensyarah IPTA tempatan dilancarkan bulan lalu melalui pelaksanaan secara berperingkat di universiti dalam dan luar negara.

"Setakat ini, hanya kira-kira 30 peratus tenaga pengajar IPTA tempatan mempunyai kelayakan PhD. Kita mahu melahirkan sekurang-kurangnya 7,000 lagi dalam tempoh empat tahun lagi.

"Harapan kerajaan supaya menjelang tahun 2010, sekurang-kurangnya 60 peratus daripada keseluruhan pensyarah IPTA kita mempunyai kelayakan berkenaan," katanya.

Mustapa berkata demikian selepas lawatan rasmi Yang di-Perluan Besar Negeri Sembilan, Tuan-ku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman dan Tuanku Ampuan, Tuanku Najihah Tunku Besar Burhanuddin ke Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) di Nilai, dekat sini semalam.

Pada lawatan dua jam itu, Tuan-ku Ja'afar dan Tuanku Najihah yang juga Canselor KUIM diberikan taklimat perkembangan universiti berkenaan oleh Rektornya, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin.

Mustapa berkata, program latihan akademik itu antara strategi yang sedang dan akan dilaksanakan kementerian berkenaan untuk melonjakkan sistem pengajian tinggi negara ke tahap kompetitif dengan sistem di luar negara.